

Bayi satu tahun dirogol, liwat

Doktor mengesahkan terdapat kesan kemaluan dan dubur bayi perempuan itu dimasukkan sesuatu

ASMALIZA MANSOR

KUALA LUMPUR - Tanda tanya sepasang suami isteri ke atas kelakuan bayi perempuan mereka yang kurang aktif berbanding biasa akhirnya terjawab apabila bayinya yang baru berusia setahun itu rupanya menjadi mangsa penderaan seksual.

Ibu bayi itu yang enggan dikenali berkata, dia menghantar anaknya kepada pengasuh yang juga tinggal berhampiran pangsapurnya di Bandar Baru Sentul untuk dijaga setiap hari kecuali Ahad sejak tujuh bulan yang lalu.

Menurutnya, pada 18 Februari lalu, ketika ingin menukar lampin bayinya selepas membawanya pulang dari rumah pengasuh, dia ternampak darah pada kemaluan bayinya itu.

"Saya mula syak sesuatu dan terus membawa anak ke klinik swasta berhampiran rumah untuk diperiksa tetapi doktor itu menasihatkan saya serta suami supaya membawa anak kami melakukan pemeriksaan lanjut di Hospital Kuala Lumpur (HKL) kerana disyaki menjadi mangsa

penderaan seksual," katanya.

Dia berkata demikian kepada pemberita pada sidang media yang diadakan di pangsapuri yang dihuni bersama keluarga mentuanya di Bandar Baru Sentul, di sini, semalam.

Hadir sama Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng.

Menurutnya, doktor di HKL mengesahkan bahawa terdapat kesan bahawa kemaluan dan dubur bayi perempuannya itu dimasukkan sesuatu, berkemungkinan kemaluan manusia dan perkara itu dilakukan beberapa kali kerana terdapat kesan lama serta baru.

Katanya, beliau dan suami kemudiannya terus membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi supaya siasatan lanjut dapat dilakukan dan individu yang bertanggungjawab segera ditangkap.

Beliau berkata, ketika kejadian itu, bayinya belum berusia setahun dan beliau mendakwa bayi perempuan itu juga sering ditinggalkan oleh pengasuhnya bersendirian bersama dua orang anak lakinnya yang



● Lip Eng (kanan) bersama ahli keluarga, ibu bapa dan bayi perempuan mangsa penderaan seksual terbahit.

berusia awal 20-an.

"Saya tidak sangka perkara ini akan terjadi kepada anak saya dan kami sekeluarga mengesyaki perbuatan itu dilakukan oleh anak lelaki pengasuh itu, namun dinafikan oleh mereka.

"Kemaluan anak saya merah dan lebam. Perbuatan ini amat jahat, kejam dan tidak berperikemanusiaan serta mengakibatkan

anak saya demam, muntah-muntah, hilang selera makan dan sering terjaga serta menangis pada waktu malam," katanya.

Katanya, tidak mungkin ahli keluarganya yang melakukan perbuatan itu memandangkan dia sering menemani bayinya itu ketika berada di rumah dan selepas kejadian itu juga beliau tekad berhenti kerja untuk menjaga

sendiri bayi perempuannya itu.

Sementara itu, suaminya yang berusia 24 tahun dan bekerja sebagai mekanik berkata, dia kesal kerana HKL enggan memberikan laporan pemeriksaan perubatan bayinya kepada mereka sedangkan mereka berhak untuk menerimanya.

Menurutnya, beliau dan isterinya dipanggil untuk memberikan keterangan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur semalam dan dia berharap kes itu disiasat dengan adil.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Kuala Lumpur Senior Asisten Komisioner II Datuk Ku Chin Wah ketika dihubungi mengesahkan telah menerima laporan perubatan bayi perempuan itu dan polis juga telah mengambil keterangan daripada pengasuh bayi terbahit.

Beliau berkata, keterangan daripada ibu bapa bayi perempuan itu akan diperoleh hari ini dan beliau juga meminta mereka membuat satu lagi laporan polis berhubung dakwaan bahawa pegawai penyiasat bersikap kasar serta tidak berlaku adil dalam mengendalikan kes terbahit.